

PENGETAHUAN PELAJAR UniZA TERHADAP ISTILAH BAHASA ARAB DALAM BIDANG FIKAH

Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda [1], Syh Noorul Madihah Syed Husin [2], Sumayyah Abdul Aziz [3]

ABSTRACT

Arabic language is significant especially in the discipline of *fiqh* which is among the keys to the study of religion. The terms used in the discipline of *fiqh* by Islamic scholars are derived from the Arabic terminology of the Quran, the Hadith, or Ijtihad of the Companions, or of the tabi'in. Developments of *fiqh* literature show that these terms are still mostly preserved in Arabic. Hence the scholar's knowledge of Arabic terminology will have an impact on the understanding and application of the knowledge of *fiqh*. Therefore, based on the importance of understanding the Arabic terminologies, a brief study is conducted among diploma students of University of Sultan ZainalAbidin (UniZA) on Arabic terms commonly used in the field of *fiqh*. It is to analyze their level of knowledge in three selected areas of *fiqh* namely purification, prayer and fasting. It is also to identify the terms least acknowledged by the respondents in such areas. This article also aimed at comparing the achievement between students with religious background as compared to non religious background. A set of performance test questions were distributed to 269 randomly selected samples. The data were analyzed descriptively based on three areas of *fiqh* by focusing on the frequency of knowledge of respondents for each item, the percentage and the mean score in each area as well as overall. The result of religious and non- religious stream respondents will also be analyzed descriptively through cross tabulation. The results showed a mean score for all items tested was 54.81%. This shows that the respondents' knowledge of the Arabic terms in Islamic *fiqh* is only average. Comparison of mean scores between the three area of *fiqh* shows that the Arabic term of purification is the least known term by the respondents with the mean score of 40.26 % , compared to prayer (56.25%) and fasting (67.92%) . The study also shows that students with religious school background have better knowledge than those from the non- religious school background.

Keywords: *knowledge on Arabic terminology, fiqh, mustolah*

[1] Pusat Pengajian Syariah,
Fakulti Pengajian Kontemporari
Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
tg_fatimah@unisza.edu.my

[2] Pusat Pengajian Syariah,
Fakulti Pengajian Kontemporari
Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
madihah@unisza.edu.my

[3] Pusat Pengajian Syariah,
Fakulti Pengajian Kontemporari
Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
sumayyahaziz@unisza.edu.my

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan bahasa teras yang digunakan oleh ilmuan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu terutamanya ilmu agama. Penggunaan bahasa ini adalah bersesuaian dengan bahasa yang digunakan dalam rujukan utama segala ilmu Islam, iaitu Al-Quran dan Hadith. Ulama' fikah turut menggunakan bahasa Arab dalam membahas dan membentangkan hukum-hukum fikah yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadith melalui karya-karya mereka. Oleh itu penguasaan ilmu fikah memerlukan kepada penguasaan bahasa Arab.

Walaupun ilmu tersebut boleh difahami dengan membaca sumber rujukan bahasa ibunda, namun ia belum pasti dapat menjamin kefahaman yang sebenar. Apatah lagi, istilah-istilah fikah dalam penulisan bahasa Melayu pada masa kini sentiasa dikekalkan dengan penggunaan bahasa asal. Pengekalan ini mungkin kerana istilah-istilah itu telah menjadi kelaziman pertuturan masyarakat Melayu atau pun kerana sukar diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Perkataan air *musta'mal*, *i'tidal*, *imsak* dan *fidyah* umpamanya jarang dialihbahasa kepada bahasa Melayu oleh penulis-penulis dalam karya fikah mereka. Kadangkala penguasaan kefahaman dalam pelbagai madrasah dan aliran menyebabkan lontaran idea pengarang kitab sarat dengan istilah-istilah sama ada mengikut hakikat makna yang sebenar, pengambilan istilah dari kitab ulama' atau diambil secara langsung. Ini boleh menyebabkan banyak istilah bahasa Arab yang tidak difahami dengan tepat dan bukan mengikut kehendak pengarangnya (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2010: 1). Salah faham terhadap makna istilah berkenaan adalah sesuatu yang mesti diberi perhatian, dan pengetahuan serta kefahaman terhadap istilah ini juga perlu ditingkatkan terutamanya apabila istilah bahasa Arab ini memainkan peranan penting dalam konteks pengamalan ibadah harian Muslim.

KEPENTINGAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM IBADAH HARIAN

Di dalam disiplin ilmu terutamanya ilmu agama Islam, pengetahuan, kefahaman, dan bahasa memainkan peranan penting. Ini kerana ilmu agama mempunyai hubung kait yang progresif antara pengetahuan bahasa, pemahaman ilmu dan kesempurnaan pengamalan. Relatif dengan itu istilah-istilah tertentu dalam sesuatu bahasa mempunyai keperluan khusus dalam menyampaikan maksud. Pada umumnya, pembentukan istilah terhasil melalui dua cara, iaitu dengan menggunakan bahasa asal dan meminjam istilah atau perkataan daripada bahasa lain (Zuraini Hamisan, 2002: 24). Penggunaan istilah adalah penting bukan sahaja untuk menggambarkan sesebuah konsep dengan jelas, malah menjadi teras untuk membina pemahaman yang tepat dan mendirikan hujah ilmiah (Tahanawi, 1963: 1). Istilah-istilah agama yang berkaitan ilmu fikah juga memainkan peranan penting dalam kehidupan harian Muslim. Istilah-istilah fikah ini berasal dari terminologi bahasa Arab sama ada ianya berasal daripada dalil-dalil Al-Quran, Hadith ataupun ijtihad sahabat r.a, para tabi'in dan ulama-ulama fikah. Selain dari itu, para ilmuan Islam telah membincangkan perihal peranan bahasa Arab dalam memahami persoalan fikah apabila membincangkan tentang ilmu Fikah *Al-Lughah* di mana setiap istilah fikah mempunyai kaedah yang diasaskan daripada kalimah bahasa Arab itu sendiri (Nasafi, t.t: 10). Ali Jum'ah telah membincangkan dengan komprehensif tentang kepentingan memahami istilah usul dalam bidang fikah dan menurut beliau ilmu istilah (*mustolah*) dibentuk oleh pakar istilah sebagai satu kesenian dan konsep untuk menyampaikan makna kepada mereka yang ditujukan atau diajarkan sesuatu suruhan atau arahan. Oleh yang demikian ketidakfahaman atau pengabaian terhadap erti istilah yang sebenar yang dimaksudkan *salafussoleh* akan membawa kepada kerosakan pengamalan yang sebenarnya (Ali Jum'ah, 1996:20).

FAKTOR PEMINJAMAN ISTILAH DARI BAHASA ARAB

Kekurangan istilah dalam bahasa Melayu merupakan faktor mengapa peminjaman berlaku untuk menyampaikan makna dan konsep yang dikehendaki. Perkembangan istilah bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh kata pinjaman dari bahasa asing seperti Sanskrit, Arab, Latin, Inggeris dan Belanda. Pengkhususan di dalam bidang fikah banyak menggunakan kata pinjaman atau istilah daripada bahasa Arab kerana kaitan bahasa dengan agama yang dianuti dan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran. Dengan adanya istilah pinjaman dari bahasa asing, maka bahasa Melayu menjadi makin mudah untuk membincangkan sesuatu perkara ataupun ilmu pengetahuan (Zuraini Hamisan, 2002: 24).

Selain itu, peminjaman istilah juga terjadi antaranya kerana apabila sesuatu perkataan diterjemahkan, maksudnya menjadi terlalu panjang. Contohnya istilah *qasar* ialah 'kelonggaran yang dibenarkan bagi musafir untuk memendekkan solat fardu empat rakaat kepada dua rakaat' (Kamus Dewan, 2005: 1261) dan perkataan sembahyang diertikan di dalam kamus dewan sebagai 'perbuatan menyembah Allah s.w.t' (Kamus Dewan, 2005: 1435). Jelas bahawa penggunaan istilah-istilah daripada bahasa Arab lebih menepati maksud dalam pengurusan keagamaan. Perkembangan ini juga telah wujud seiring dengan faktor masa dan sejarah semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan hubungan langsung yang dijalankan di antara penduduk khususnya di Melaka dengan pedagang dari India dan Arab melalui sistem perdagangan (Zuraini Hamisan, 2002: 24).

MASALAH KAJIAN

Kepentingan memahami istilah pinjaman daripada bahasa Arab terutamanya yang mencakupi bidang fikah tidak dapat dinafikan demi untuk memastikan kesempurnaan pelaksanaan dan pengamalan ibadah seseorang Muslim (Yahya Murad, 2004: 3). Malahan menjadi satu keutamaan terutamanya bagi pelajar-pelajar untuk memahami istilah-istilah bahasa Arab dalam bab fikah kerana ia berkait rapat dengan hukum hakam dan pengamalan seharian (Mahmud Hamed Uthman, 2002: 5). Dalam konteks UniSZA secara khasnya, universiti telah menetapkan Kursus Fiqh Ibadat sebagai kursus wajib bagi pelajar beragama Islam. Justeru, setiap kurikulum atau kursus yang dirancang teliti bagi pembangunan pelajar seharusnya mengambilkira ukuran tahap kesediaan dan pengetahuan asas pelajar. Ini adalah kerana pembelajaran adalah hasil daripada usaha pelajar itu mengorganisasikan ilmu pengetahuan dan pengetahuan sedia ada pada seorang pelajar yang mana ia adalah berbeza dengan pelajar yang lain (Yahya Don, 2006: 60). Proses pemahaman juga dibina menggunakan pengetahuan sedia ada bagi memahami maklumat dan pengetahuan baru dengan lebih mendalam (Azizi Yahaya et. al., 2005: 28). Selain dari itu juga, pengisian sukatan pembelajaran mestilah selari dengan objektif kursus (*learning objective*) bagi menjayakan hasil pembelajaran (*learning outcome*) yang ingin direalisasikan. Oleh yang demikian wujud keperluan bagi mengukur sejauh mana tahap pengetahuan pelajar ini khususnya dalam bidang fikah ibadat bagi membantu pihak fakulti dan universiti menggubal kurikulum yang menepati keperluan dalam memantapkan pengetahuan serta menjayakan hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Dalam jangka masa yang panjang, kurang pengetahuan dalam memahami istilah menimbulkan posibiliti untuk pengamalan dengan perkara berkaitan tidak dapat dilakukan oleh pelajar dengan optimum sebagaimana yang dituntut dalam Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif yang dikenalpasti iaitu:

- i) menganalisa tahap pengetahuan pelajar dalam tiga bab fikah utama, iaitu bersuci, solat dan puasa.
- ii) mengenalpasti istilah yang paling kurang dikuasai responden di antara tiga bab fikah yang dikaji
- iii) membuat perbandingan pengetahuan pelajar yang beraliran agama dengan pelajar yang bukan aliran agama.

METODOLOGI

Artikel ini adalah hasil sebuah kajian tinjauan bagi menganalisis pengetahuan pelajar UniSZA tentang istilah bahasa Arab dalam bidang fikah. Ia merupakan sebuah kajian deskriptif yang menggunakan data kuantitatif. Populasi dalam kajian ini melibatkan pelajar diploma semester 1 di UniSZA merentas 6 buah fakulti yang sedang menawarkan kursus di peringkat diploma iaitu Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Informatik dan Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi. Daripada 6 buah fakulti ini, didapati terdapat 15 buah kursus pengajian diploma sedang ditawarkan. Pemilihan populasi dibuat memandangkan pelajar semester satu diploma adalah pelajar baru yang mendaftar dengan UniSZA dan tahap pengukuran pengetahuan istilah ini dapat membantu pihak fakulti dan universiti menggubal kurikulum yang menepati keperluan dalam memantapkan pengetahuan fikah para pelajar. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan, bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini (jumlah populasi = 880 orang) adalah seramai 269 orang (Chua Yan Piaw, 2006: 186) dan pemilihan sampel adalah dibuat secara rawak berkelompok iaitu memilih kelompok berdasarkan kelas pengajian yang sedia ada (Noraini Idris, 2010: 118). Berdasarkan kepada 15 buah kelas pengajian mengikut kursus pengajian diploma, 7 buah kelas telah dipilih secara rawak. Kesemua pelajar daripada 7 buah kelas pengajian tersebut telah dijadikan sampel kajian.

Data-data dipungut melalui satu set soalan ujian pencapaian. Ujian pencapaian telah diadakan dalam kelas pengajian masing-masing dan sampel dikehendaki menjawabnya dalam masa 40 minit di bawah pengawasan pengkaji. Set soalan ujian ini mengandungi empat bahagian, bahagian A berkisarkan latarbelakang responden, bahagian B berkaitan istilah bersuci, bahagian C berkaitan istilah solat dan bahagian D berkaitan istilah puasa. Bahagian B hingga D adalah merangkumi 30 item soalan aneka pilihan dengan empat aneka

jawapan bagi setiap item, dan setiap satu bahagian mengandungi 10 item berasaskan bab utama dalam fikah. Jumlah bilangan item yang perlu dijawab dan tempoh masa yang diberikan ini adalah memadai dengan kehendak kajian yang ingin mengenalpasti tahap pengetahuan responden hanya terhadap istilah-istilah penting dalam tiga bab fikah sahaja.

Disebabkan kajian ini hanya merupakan kajian deskriptif, data tentang pengetahuan istilah di kalangan pelajar dianalisis berdasarkan frekuensi dan peratusan. Ia dianalisis mengikut tiga bab fikah utama supaya dapatan mengenai pengetahuan responden terhadap istilah bahasa Arab dapat dilihat dan dinilai dengan lebih jelas berdasarkan bab-bab tertentu dalam bidang fikah. Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas, skor min markah bagi setiap bab fikah dilaporkan. Seterusnya data dianalisis berdasarkan peratusan jumlah markah keseluruhan yang dipungut oleh responden dalam kesemua bab. Skor minimum, maksimum, mod, median dan min dilaporkan bagi mengenalpasti pengetahuan responden secara keseluruhan terhadap perkara ini. Keputusan ujian akan dikelaskan berdasarkan tahap cemerlang, kepujian, baik, lulus dan gagal berdasarkan penggredan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang merupakan antara peperiksaan utama dalam sistem pendidikan negara. Bagi kelas cemerlang peratusannya adalah 80% - 100%, kelas kepujian 70% - 79%, kelas baik 50% - 69%, kelas lulus 40% - 49% dan kelas gagal adalah 0% - 39% (<http://www.moe.gov.my>). Penggredan berdasarkan SPM dan tidak berdasarkan penggredan di peringkat universiti atau lain-lain penggredan ini adalah bersesuaian dengan tahap sampel kajian yang merupakan pelajar lepasan SPM. Walau pun mereka merupakan calon diploma, namun tempoh mereka di universiti ketika kajian dilakukan adalah singkat iaitu kurang dari 4 bulan. Justeru adalah tidak sesuai untuk mengelaskan pencapaian mereka dengan penggredan di peringkat universiti. Seterusnya, selaras dengan objektif, kajian juga akan menganalisa perbandingan dapatan antara responden dari aliran agama di peringkat sekolah menengah dan bukan dari aliran agama secara deskriptif melalui jadual silang.

BATASAN KAJIAN

Pembatasan tiga bab iaitu bab bersuci, solat dan puasa adalah berasaskan kepada kepentingan penguasaan sampel kajian sebagai seorang *mukallaf* dalam hal berkaitan bidang fikah tersebut. Ketiga-tiga bab ini merupakan satu tuntutan kewajipan secara peribadi atau disebut sebagai fardhu ain. Imam Nawawi menegaskan bahawa pembahagian bidang ilmu kepada ilmu fardu ain dan fardu kifayah telah disepakati oleh para *salaf, fuqaha'* dan ahli *mutakallimin* berdasarkan kepada Nabi s.a.w. tidak menyuruh kepada selain daripada dua kefarduan itu (Nawawi, 2005: 24). Penyusunan dalam kitab-kitab utama fikah juga meletakkan bab bersuci (Al-Bujayrimi, 1996: 1/91, Syirbini, 1994: 1/139, Ibn Qudamah, 1997: 1/12) solat (Al-Bujayrimi, 1996: 2/3, Syirbini, 1994: 1/312, Ibn Qudamah, 1997: 2/5) dan puasa (Al-Bujayrimi, 1996: 3/98, Syirbini, 1994: 2/146, Ibn Qudamah, 1997: 4/323) sebagai antara perbincangan awal, berbanding dengan ibadah-ibadah lain. Selain itu, solat dan puasa juga merupakan satu tuntutan wajib yang disepakati oleh semua ulama' ke atas setiap *mukallaf* (Ibn Qudamah, 1997: 2/6 & 4/323). Batasan kajian terhadap tiga bab berkenaan turut dibuat kerana berdasarkan empat ibadah khusus berkaitan bidang fikah dalam senarai rukun Islam, didapati hanya ibadah solat dan puasa sahaja mempunyai kaitan langsung dengan sampel kajian, berbanding dengan ibadah zakat dan haji. Hal keadaan ini adalah kerana syarat wajib bagi pelaksanaan ibadah zakat dan haji adalah melibatkan kemampuan dari sudut harta (Al-Jaziri, 2001: 333 & 355). Adalah satu kesukaran bagi sampel kajian yang hanya terdiri daripada pelajar universiti untuk memenuhi syarat wajib tersebut. Ini bermakna tahap keperluan untuk menguasai ibadah zakat dan haji adalah tidak setinggi tahap keperluan penguasaan bagi ibadah solat dan puasa bagi seorang pelajar. Selain daripada itu, bab bersuci juga merupakan satu bidang fikah yang mesti dikuasai oleh seorang *mukallaf* kerana bersuci adalah kunci kepada pelbagai ibadah. Bagi menjustifikasikan soalan ujian pencapaian, semua item yang digunakan adalah istilah-istilah bahasa Arab yang telah masyhur dalam bidang fikah di kalangan masyarakat Melayu Muslim atau yang telah diterima oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 269 set soalan ujian pencapaian telah diedarkan kepada responden sekitar bulan Ogos 2011 dan dianalisa dengan bantuan perisian SPSS versi 16. Data-data telah dianalisa melalui kaedah statistik deskriptif. Berikut adalah dapatan-dapatan berkenaan pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab berdasarkan bab fikah.

Latarbelakang Responden

Berikut adalah maklumat tentang demografi responden:

Jadual 1: Latarbelakang Responden

Demografi	Kekerapan	Peratus
Umur		
17 tahun ke bawah	6	2.2%
18 tahun	260	96.7%
19 tahun	2	0.7%
20 tahun ke atas	1	0.4%
Jumlah	269	100%
Jantina		
Lelaki	51	19.0%
Perempuan	218	81.0%
Jumlah	269	100%
Aliran Pendidikan Peringkat Sekolah Menengah		
Agama	147	54.6%
Bukan Agama	122	45.4%
Jumlah	269	100%

(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian A)

Daripada jadual 1, didapati majoriti responden adalah berusia 18 tahun (96.7%) dan usia yang paling muda adalah 17 tahun ke bawah (2.2%) serta usia yang paling tua adalah 20 tahun (0.4%). Data juga telah menunjukkan jumlah pelajar perempuan adalah mendominasi jumlah keseluruhan responden iaitu sebanyak 81%, berbanding pelajar lelaki yang hanya 19% sahaja. Dari segi aliran pendidikan di peringkat sekolah menengah, didapati 147 responden (54.6%) adalah dari aliran agama, manakala 122 responden (45.4%) adalah bukan aliran agama.

Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Bersuci

Berikut adalah dapatan bagi pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam bab bersuci:

Jadual 2: Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Bersuci

Item Dalam Bahagian B	Tahu		Tidak tahu		Jumlah	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
B1- Hadas	184	68.4%	85	31.6%	269	100%

B2- Berjunub / berjanabah	66	24.5%	203	75.5%	269	100%
B3- Mazi	138	51.3%	131	48.7%	269	100%
B4- Istihadhah	155	57.6%	114	42.4%	269	100%
B5- Wiladah	56	20.8%	213	79.2%	269	100%
B6- Istinja'	80	29.7%	189	70.3%	269	100%
B7- Dua Kolah (<i>qullatan</i>)	104	38.7%	165	61.3%	269	100%
B8- Khuf	123	45.7%	146	54.3%	269	100%
B9- Air Musta'mal (<i>al-ma' al-musta'mal</i>)	76	28.3%	193	71.7%	269	100%
B10- Najis Mutawassitoh	101	37.5%	168	62.5%	269	100%

(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian B)

Daripada 10 item tentang istilah bahasa Arab dalam bab bersuci, didapati 7 item mencatat peratusan melebihi 50% bagi kelompok responden yang tidak tahu, berbanding dengan hanya 3 item sahaja yang mencatat peratusan melebihi 50% bagi kelompok mereka yang tahu. Item yang paling tinggi mencatat peratusan pengetahuan yang benar adalah istilah hadas, di mana 184 dari 269 responden (68.4%) mengetahui apa yang dimaksudkan dengan hadas. Manakala item yang paling rendah mencatat peratusan pengetahuan yang benar pula adalah istilah wiladah. Majoriti responden tidak mengetahui maksud sebenar istilah ini, apabila kajian telah mencatatkan hanya seramai 56 orang responden (20.8%) yang mengetahui definisi wiladah yang sebenar. Jadual 2 turut menunjukkan istilah-istilah yang melibatkan amalan seharian seorang muslim dalam bab bersuci iaitu istilah istinja', dua kolah, air musta'mal dan najis mutawassitoh turut mencatatkan peratusan yang rendah bagi kelompok responden yang tahu, di mana masing-masing hanya mencatat 29.7% (istinja'), 38.7% (dua kolah), 28.3% (air musta'mal) dan 37.5% (najis mutawassitoh). Ini bermakna majoriti responden tidak mengetahui tentang istilah-istilah tersebut.

Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Solat

Dapatan kajian tentang pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam bab solat dapat dilihat sepertimana dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Solat

Item Dalam Bahagian C	Tahu		Tidak tahu		Jumlah	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
C1- Takbiratul Ihram	59	21.9%	210	78.1%	269	100%
C2- Sujud Sahwi	179	66.5%	90	33.5%	269	100%
C3- Sunat Hai'ah	150	55.8%	119	44.2%	269	100%
C4- Syarat Sah Solat	58	21.6%	211	78.4%	269	100%
C5- Makmum Masbuq	194	72.1%	75	27.9%	269	100%
C6- Jama' Taqdim	158	58.7%	111	41.3%	269	100%
C7- Sunat Rawatib	229	85.1%	40	14.9%	269	100%

C8- Dua marhalah (<i>marhalatan</i>)	226	84.0%	43	16.0%	269	100%
C9- Toma'ninah	87	32.3%	182	67.7%	269	100%
C10- I'tidal	173	64.3%	96	35.7%	269	100%

(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian C)

Daripada 10 item tentang istilah bahasa Arab dalam bab solat, didapati 3 item mencatat peratusan melebihi 50% bagi kelompok responden yang tidak tahu, dan 7 item mencatat peratusan melebihi 50% bagi kelompok mereka yang tahu. Item yang paling tinggi mencatat peratusan pengetahuan yang benar adalah istilah sunat rawatib, di mana 229 dari 269 responden (85.1%) mengetahui apa yang dimaksudkan istilah berkenaan. Manakala item yang paling rendah mencatat peratusan pengetahuan yang benar pula adalah istilah syarat sah solat. Majoriti responden tidak mengetahui maksud sebenar istilah ini, apabila kajian telah mencatatkan hanya seramai 58 orang responden (21.6%) yang mengetahui definisi istilah syarat sah solat yang sebenar. Jadual 3 turut menunjukkan istilah takbiratul ihram turut mencatat antara peratusan yang rendah bagi kelompok yang tahu iaitu 21.9% dan istilah toma'ninah dengan peratusan yang tahu hanya 33.3%. Item-item lain yang difahami oleh kurang 2/3 daripada responden ialah istilah sujud sahwi, sunat hai'ah, jama' taqdim dan i'tidal dengan masing-masing mencatat peratusan bagi kelompok yang tahu sebanyak 66.5%, 55.8%, 58.7% dan 64.3%.

Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Puasa

Hasil kajian mendapati pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam bab puasa adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bab Puasa

Item Dalam Bahagian D	Tahu		Tidak tahu		Jumlah	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
D1- I'tikaf	140	52.0%	129	48.0%	269	100%
D2- Kafarah Puasa	222	82.5%	47	17.5%	269	100%
D3- Qadha Puasa	239	88.8%	30	11.2%	269	100%
D4- Sahur	230	85.5%	39	14.5%	269	100%
D5- Solat Tarawikh	218	81.0%	51	19.0%	269	100%
D6- Fidyah	163	60.6%	106	39.4%	269	100%
D7- Imsak	142	52.8%	127	47.2%	269	100%
D8- Iftar	183	68.0%	86	32.0%	269	100%
D9- Tilawah	254	94.4%	15	5.6%	269	100%
D10- Hari Syak (<i>yawm shak</i>)	36	13.4%	233	86.6%	269	100%

(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian D)

Keputusan kajian mendapati terdapat 5 item yang menjangkau 80% pada pengetahuan yang benar. Istilah-istilah tersebut ialah istilah kafarah puasa yang mencatat 82.5%, qadha puasa yang mencatat 88.8%, sahur yang mencatat 85.5%, tarawikh yang mencatat 81.0% dan tilawah yang mencatat 94.4%. Manakala bagi istilah fidyah

dan iftar telah mencatat peratusan pengetahuan benar sebanyak 60.6% dan 68%. Sebaliknya 3 istilah dalam bab puasa yang paling rendah diketahui adalah imsak (47.2%), i'tikaf (48%) dan hari syak (86.6%).

Skor Min Markah Berdasarkan Bab Fikah

Setiap bab fikah telah diuji dengan 10 item. Setelah dikumpul markah berdasarkan peratus mengikut setiap bab fikah, berikut adalah skor min markah hasil pungutan skor responden dalam setiap bab fikah:

Jadual 5: Catatan Skor Min Markah Berdasarkan Bab Fikah

Bab	Skor Min Markah
Bersuci	40.26 %
Solat	56.25 %
Puasa	67.92 %


(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian B, C & D)

Berdasarkan jadual 5, skor min markah yang menghasilkan peratusan paling rendah adalah bab bersuci yang hanya mencapai 40.26 %, manakala bab solat mencatat 56.25 %, dan bab puasa mencatat markah paling tinggi iaitu 67.92 %.

Taburan Pungutan Markah Keseluruhan

Hasil dari pungutan markah kesemua 30 item yang mewakili istilah bahasa Arab bab bersuci, solat dan puasa, berikut adalah taburan pungutan peratusan markah bagi kesemua responden:

Rajah 1: Taburan Markah Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah



(Sumber: Soalan ujian pencapaian bahagian B, C & D)

Daripada rajah 1 di atas, didapati markah minimum yang dipungut oleh responden ialah 20% dengan 1 kekerapan sahaja, manakala markah maksimum pula adalah 83.33% yang dipungut oleh 5 orang responden. Julat antara markah minimum dan maksimum ini adalah 63.33%. Mod pungutan markah adalah 53.33% yang mencatat kekerapan 29 (10.8%), yang menyamai angka median. Daripada hasil pungutan markah keseluruhan bagi kesemua responden ini, didapati skor min markah adalah 54.81%, iaitu telah melebihi 50%.

Kelas Pengetahuan Responden Tentang Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah

Hasil kajian mendapati kelas pengetahuan responden secara keseluruhan tentang istilah bahasa Arab adalah seperti berikut:

Jadual 6: Kelas Pengetahuan Responden Tentang Istilah Arab Dalam Bidang Fikah

Kelas Pengetahuan	Kekerapan	Peratus
Cemerlang	8	3.0 %
Kepujian	34	12.6 %
Baik	141	52.4 %
Lulus	59	21.9 %
Gagal	27	10.0 %
JUMLAH:	269	100%

Dapatan taburan peratusan markah keseluruhan ujian pencapaian telah menunjukkan hanya 3% daripada responden (8 orang) yang berada pada kelas pengetahuan cemerlang, manakala 12.6% (34 orang) berada pada kelas kepujian dan 52.4 % (141 orang) berada pada kelas pengetahuan baik. Adapun, daripada jumlah keseluruhan responden, seramai 27 orang (10%) telah gagal dalam ujian pencapaian ini.

Jadual Silang Antara Aliran Pendidikan Responden Dengan Kelas Pengetahuan

Berikut adalah jadual silang antara aliran pengajian responden di peringkat sekolah menengah (SPM) dan kelas pengetahuan mereka terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang fikah:

Jadual 7: Jadual Silang Aliran Pengajian Peringkat Sekolah Menengah dan Kelas Pengetahuan

Aliran Pengajian	Kelas Pengetahuan					Jumlah
	Gagal	Lulus	Baik	Kepujian	Cemerlang	
Agama	6 (4.1%)	21 (14.3%)	81 (55.1%)	31 (21.1%)	8 (5.4%)	147 (54.6%)
Bukan Agama	21 (17.2%)	38 (31.1%)	60 (49.2%)	3 (2.5%)	0 (0%)	122 (45.4%)
Jumlah	27 (10.0%)	59 (21.9%)	141 (52.4%)	34 (12.6%)	8 (3.0%)	269 (100%)

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden dari aliran agama dan juga bukan agama berada di kelas pengetahuan yang baik. Namun peratusan responden dari aliran agama (55.1%) lebih tinggi dari aliran bukan agama (49.2%). Manakala kelas pengetahuan yang mencatat jumlah responden yang paling sedikit dalam kedua-dua aliran ini adalah tidak sama. Bagi responden dari aliran agama, kelas pengetahuan gagal mencatat

jumlah peratusan minima iaitu 4.1%, ada pun bagi responden bukan aliran agama, kelas pengetahuan cemerlang mencatat jumlah peratusan minima, apabila mencatat 0%. Jadual juga memaparkan daripada 27 orang responden yang gagal, 21 daripadanya adalah responden aliran bukan agama, manakala kesemua 8 orang responden yang cemerlang adalah dari aliran agama.

ANALISIS

Berikut adalah analisis hasil dapatan kajian:

1. Dapatan kajian latarbelakang responden menunjukkan hampir keseluruhan responden (96.7%) berusia 18 tahun. Ini kerana responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar diploma UniSZA semester satu, iaitu bekas pelajar lepasan SPM. Data turut menunjukkan jumlah responden perempuan (218 orang) jauh lebih besar dari jumlah responden lelaki (51 orang). Jumlah responden dari aliran agama di peringkat sekolah menengah (147 orang) telah melebihi jumlah responden yang bukan dari aliran agama (122 orang) sebanyak 25 orang. Jumlah ini adalah agak seimbang antara satu sama lain.

2. Dalam bab bersuci, dari 10 item yang diuji, majoriti responden tidak mengetahui tentang istilah-istilah bahasa Arab yang biasa digunakan dalam bab bersuci. Ia dapat diperhatikan apabila hanya 3 item sahaja (hadas, mazi & istihadhah) yang mencatat peratusan melebihi 50% pada kelompok responden yang tahu. Manakala peratusan bagi kelompok yang tahu dalam 7 item lagi (berjunub, wiladah, istinja', dua kolah, khuf, air musta'mal, & najis mutawassitoh) agak rendah iaitu kurang dari 50%, malah 3 dari item tersebut (berjunub, wiladah & air musta'mal) mencatat peratusan yang tidak mencapai 1 per 3 daripada 100%, iaitu bawah 33.3%. Jika diperhatikan, dari 7 item yang mencatat peratusan bawah dari 50% bagi kelompok yang tahu, didapati 4 dari item tersebut pada kebiasaannya melibatkan amalan harian bagi setiap pelajar yang telah baligh. Istilah yang dimaksudkan ini adalah istinja', dua kolah, air musta'mal dan najis mutawassitoh. Dapatan ini menggambarkan terdapat ramai responden yang belum menguasai pengertian istilah-istilah yang melibatkan urusan seharian ketika bersuci. Hal keadaan ini amat membimbangkan, kerana bersuci dalam fiqh merupakan kunci kepada sah atau tidaknya beberapa ibadah tertentu. Sebagai contoh, dapatan telah menunjukkan 71.7% dari responden tidak mengetahui definisi sebenar bagi istilah air musta'mal, sedangkan istilah ini telah digunakan secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat muslim dan jarang diterjemahkan kepada 'air yang telah digunakan untuk basuhan wajib'.

3. Dalam bab solat, dapatan menunjukkan terdapat 7 item iaitu sunat rawatib (85.1%), dua marhalah (84%), makmum masbuq (72.1%), sujud sahwi (66.5%), i'tidal (64.3%), sunat hai'ah (55.8%) dan jama' taqdim (58.7%) yang didominasi peratusannya oleh kelompok responden yang tahu. Walaupun begitu, terdapat 3 item (takbiratul ihram, syarat sah solat dan toma'ninah) yang menunjukkan peratusan yang tinggi oleh kelompok responden yang tidak tahu. Ia menggambarkan masih terdapat sebilangan besar responden yang masih tidak mengetahui tentang istilah-istilah penting dalam bab solat fardhu. Majoriti daripada responden iaitu seramai 211 orang (78.4%) tidak mengetahui makna istilah syarat sah solat sedangkan tanpa adanya syarat-syarat ini ia akan menyebabkan solat yang dilakukan tidak sah dan terbatal walaupun mematuhi rukun-rukun solat. Selain dari itu, seramai 210 orang (78.1%) tidak mengetahui makna istilah takbiratul ihram diikuti 182 orang (67.7%) tidak mengetahui istilah toma'ninah yang merupakan dua rukun dalam solat. Justeru, kegagalan untuk memahami istilah-istilah ini akan dapat mempengaruhi penghayatan responden di dalam solat.

4. Berdasarkan dapatan kajian dalam bab puasa, majoriti responden mengetahui dengan tepat istilah bahasa Arab berkaitan puasa. Hampir keseluruhan 9 item mendominasi peratusan menjangkau 50%, dan daripada 9 item tersebut 5 item melebihi 80% kumpulan responden yang mengetahui istilah bahasa Arab dengan tepat. Namun dari jumlah tersebut, terdapat dua istilah yang termasuk dalam ibadah yang amat digalakkan ketika bulan Ramadan, iaitu iktikaf dan iftar hanya mencatat 52.0% dan 52.8%. Sebaliknya istilah tilawah yang mempunyai tuntutan yang sama dengan ibadah iktikaf mencatatkan perbezaan terlalu besar berbanding dapatan istilah iktikaf yang mencatatkan 94.4%. Dapatan turut membuktikan istilah hari syak merupakan istilah yang paling tidak diketahui oleh majoriti responden (86.6%). Dalam bab puasa, hari syak merupakan hari yang penting bagi menentukan hari bermulanya puasa dan individu Muslim diharamkan untuk berpuasa pada hari tersebut. Namun begitu, dalam masa yang sama dapatan ini juga menunjukkan keputusan positif beberapa istilah yang jarang dipraktikkan oleh pelajar seperti kafarah puasa (82.5%) dan fidyah (60.6%) mencatat pengetahuan yang tinggi di kalangan responden.

5. Dapatan telah menunjukkan bab puasa merupakan bab yang paling diketahui oleh responden. Ini dapat dilihat dari catatan skor min markah bagi setiap bab. Min menunjukkan nilai purata yang digunakan untuk mewakili satu set skor-skor yang diperhatikan (Chua Yan Piau, 2006: 5). Dalam setiap bab fikah, setelah diberi markah per seratus, julat skor markah adalah 0% hingga 100%. Semakin tinggi nilai skor min markah bagi setiap bab, maka semakin tinggilah tingkat pengetahuan responden secara purata terhadap istilah-istilah dalam bab tersebut. Skor min markah bagi bab puasa adalah sebanyak 67.92 %, berbanding dengan skor min markah dalam bab bersuci yang mencatat 40.26% dan bab solat sebanyak 56.25 %. Dapatan ini membuktikan istilah-istilah bahasa Arab dalam bab puasa mencatat skor paling memberangsangkan. Ini disokong oleh beberapa aspek terutamanya data dikumpul ketika bulan Ramadan apabila tahap cakna spiritual di kalangan Muslim berkaitan puasa berada di tahap maksimum (Mohammad Ismail Memon Madani, 2010: 4). Namun begitu, pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam bab bersuci dan solat agak membimbangkan. Ini kerana kedua-dua bab ini merupakan aspek utama dalam ibadah dan memainkan peranan penting dalam kehidupan Muslim. Ia dapat dilihat apabila ulama'-ulama' fikah menyusun kedua bab ini pada awal penulisan mereka (Syirbini, 1994: 1/113). Oleh yang demikian keputusan pengetahuan yang masih sederhana dalam istilah bahasa Arab tentang bersuci dan solat memberi satu pencerahan kepada sistem pendidikan dan wajar dilihat kembali kaedah pengajaran yang lebih berkesan agar istilah-istilah ini dapat disampaikan dengan tepat dan komprehensif, seterusnya difahami seoptima mungkin dan diamalkan dengan sebaiknya.

6. Catatan skor min markah bagi 30 item dalam soalan ujian pencapaian adalah 54.81% dan telah melebihi median markah yang juga merupakan mod markah iaitu 53.33%. Ini menunjukkan bahawa secara puratanya, pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam bidang fiqh adalah sederhana. Ini kerana min markah ini telah melebihi angka penengah bagi sesuatu peratusan (50%) hanya dengan 4.8%. Dapatan ini juga menggambarkan secara puratanya, boleh dikatakan tahap pengetahuan pelajar diploma UniSA semester satu tidaklah boleh dibanggakan dan tidak juga membimbangkan. Perkara ini diperkukuhkan apabila julat antara pungutan markah minimum responden (20%) dengan markah minimum sebenar ujian ini (0%) adalah 20%, iaitu hampir sama dengan julat antara pungutan markah maksimum responden (83.3%) dengan markah penuh ujian (100%) iaitu 16.7%. Walaupun begitu, jika diperhatikan kepada pungutan markah bagi keseluruhan responden, sejumlah 183 orang (68.0%) telah melepasi markah 50%, manakala hanya 83 orang (30.8%) sahaja yang memungut markah bawah 50%. Ini bermakna walaupun pengetahuan responden berada pada tahap sederhana, namun ia lebih cenderung ke arah pengetahuan yang baik, kerana majoriti responden telah melepasi markah pertengahan sesuatu ujian.

7. Secara keseluruhannya, dapatan taburan peratusan markah ujian pencapaian telah menunjukkan pengetahuan responden tentang istilah bahasa Arab dalam 3 bidang fikah berada di tahap sederhana dengan hanya 3% daripada responden (8 orang) berada dalam kelas pengetahuan cemerlang, 12.6% (34 orang) dalam kelas kepujian dan 52.4 % (141 orang) berada dalam kelas pengetahuan baik. Jumlah bagi 3 kelas pengetahuan ini adalah sebanyak 68%. Manakala jumlah peratus yang hanya berada pada kelas lulus adalah 21.9% dan kelas gagal hanyalah 10%.

8. Analisa jadual silang antara aliran pengajian di peringkat sekolah menengah dan kelas pengetahuan responden telah menggambarkan pelajar yang berlatarbelakangkan pendidikan agama mempunyai pengetahuan yang lebih baik tentang istilah bahasa Arab dalam bidang fikah berbanding dengan pelajar yang tidak berlatarbelakangkan pendidikan agama. Walaupun aliran ini hanyalah diukur pada peringkat sekolah menengah (SPM), namun ia tetap memberi impak kepada perbezaan pungutan markah secara keseluruhan bagi dua kelompok ini. Jika diperincikan, kelebihan pelajar aliran agama di peringkat sekolah menengah hanyalah dengan mata pelajaran bahasa Arab Tinggi dan beberapa mata pelajaran yang lebih terperinci tentang ilmu agama seperti mata pelajaran Pendidikan Syari'ah Islamiyyah dan Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah, berbeza dengan pelajar aliran bukan agama hanyalah mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja yang merangkumi ilmu tentang agama secara menyeluruh. Namun kelebihan ini dapat membantu responden untuk menguasai istilah-istilah bahasa Arab dengan lebih mendalam.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan pelajar diploma UniSA semester satu terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang fikah secara keseluruhannya adalah masih di tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati pelajar yang berada dalam aliran agama masih belum menjamin pengetahuan yang benar dalam istilah-istilah bahasa Arab dalam bidang fikah. Ini kerana perbezaan yang

sangat kecil antara peratusan dalam kelas pengetahuan baik antara pelajar aliran agama dan bukan agama, memberi indikasi bahawa penekanan terhadap kefahaman istilah-istilah tertentu serta kaedah pengajaran di peringkat sekolah perlu diberi penambahbaikan. Dapatan kajian adalah signifikan bagi membantu pihak universiti menggubal kurikulum yang lebih mantap dan menepati hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Memandangkan UniSA adalah antara universiti yang mementingkan penguasaan ilmu agama dalam kalangan pelajar dengan mewajibkan semua pelajar mengambil kursus asas agama seperti Fiqh Ibadat di peringkat diploma dan Fiqh Islami di peringkat sarjana muda, dapatan kajian ini sudah tentu dapat membantu dalam menambah baik kursus-kursus tersebut.

Holistiknya juga, dapatan kajian diharapkan dapat membantu pihak penggubal kurikulum dan tenaga pengajar di peringkat sekolah menengah biasa atau sekolah menengah agama untuk menambah baik metode dalam pengajaran dengan memberi lebih penekanan kepada pengetahuan dan kefahaman istilah tertentu yang masih di tahap sederhana di kalangan majoriti pelajar. Kaedah pengajaran yang lebih komprehensif dan berkesan terutamanya bagi pelajar yang tiada asas Bahasa Arab akan menyumbang kepada keberkesanan pemahaman dan pengamalan terhadap ibadah-ibadah tunggal dalam agama.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Muhammad Audh Al-Jaziri. (2001). *Kitab al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudamah. (1997). *Al-Mughni*. j. 1, 2 & 4, Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Ali Juma'ah. (1996). *Al-Mustolah Al-Usuliy wa Musykilah Al-Mafahim*. c.1, Kaherah: Ma'had Al-'Alami lil Fikr Al-Islami.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakaria & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Kamus Dewan. (2005). ed. 4, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my.
- Mahmud Hamed Uthman. (2002). *Al-Qamus Al-Mubin fi Al-Istilahat Al-Usuliyin*. Riyadh: Darul Zahim.
- Mohammad Ismail Memon Madani. (2010). *Ramadan of Shaikh al-Hadith Muhammad Zakariyya and Our Elders*. New York: Madania Publication.
- Muhammad Ali Al-Faruqi Tahanawi. (1963). *Kasyaf al-Istilahat al-Funun*. Kaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Muhammad al-Syirbini Al-Khatib. (t.t). *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*. j. 2, Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- Muhammad Ibnu Umar Al-Syathiri. (2007). *Syarh al-Yaqut al-Nafis Fi Madzhab Ibnu Idris*. c.2, Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Muhammad Iqbal. (2010). *Ramadan dan Pencerahan Spiritual*. Indonesia: PT Gelora Aksara Pratama.
- Mustafa Al-Bugha, Mustafa Al Khin & Ali Syarbiji. (1998). *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhahib al-Imam al-Syafi'i*. j. 1 & 2, c. 2, Beirut: Dar al-Syamiyyah.
- Najmuddin Abi Hafs Al-Nasafi. (t.t). *Tibatul Tolibatun Fi Al-Istilahat Al-Fikahiah*. T.T.P: T.P.
- Nawawi, Muhyuddin Abu Zakaria Yahya. (2009). *Al-Majmu' Syarah' Al-Muhadzab*. Amman: Bait Al-Afkar Ad-Dauliah.
- Nawawi, Muhyuddin Abu Zakaria Yahya. (2002). *Raudhah Al-Tolibin*. c. 1, Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Syams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib al-Syirbini. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. j. 1, 2 & 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Sulayman Ibn Muhammad Ibn 'Umar al-Bujayrimi. (1996). *Tuhfat al-Habib 'ala Sharh al-Khatib*. j. 1, 2 & 3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Wahbah Al-Zuhayli. (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. j. 9, c. 4, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Yahya Don. (2006). *Psikologi Sosial dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Yahya Murad. (2004). *Ittihaf al-Birriyyah bi al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah wa al-Usuliyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2010). *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Subang Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Zuraini Hamisan. (2002). *Peminjaman Istilah Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.